

# Bajet 2016: UMS turut alami pengurangan geran kerajaan 16.8%

NST 2.11.2015 4

KOTA KINABALU: Susulan kepada pembentangan Bajet 2016 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak pada 23 Oktober lalu, Universiti Malaysia Sabah (UMS) turut berdepan dengan pengurangan peruntukan geran.

Namun demikian, sebagaimana Universiti Awam yang lain, UMS menerima perkara ini secara positif dan akan menangani situasi sukar ini dengan inisiatif-inisiatif tersendiri.

UMS telahpun mengalami kesan daripada waran sekatan terhadap geran mengurus kerajaan pada tahun 2015 sebanyak 7.94% dari pada geran mengurus tahunan.

Pengurangan tersebut telah menuntut UMS untuk menyusun dan merangka semula keutamaan kewangan mengikut keperluan dan menguruskan perbelanjaan secara berhemah dalam situasi yang mekanan ini.

Oleh yang demikian, pengalaman pada tahun 2015 itu akan membantu UMS untuk menghadapi kegawatan pada tahun 2016 tanpa menjelaskan proses pengajaran dan pembelajaran serta tanpa mengorbankan kebijakan dan kepentingan pelajar-pelajarnya.

Bagi menghadapi keadaan ini, pihak UMS telah memastikan langkah-langkah penjimatan dan perbelanjaan berhemah yang sudah mula diterapkan semenjak tahun 2012 diteruskan dengan kajian semula yang lebih teliti.

Mengambil kira lokasi UMS yang jauh daripada agensi-agensi pusat dan pemegang taruh seperti Kementerian Pendidikan Tinggi dan Kementerian Kewangan, UMS telah terlebih dahulu menggunakan kad kredit korporat sebagai kaedah pembayaran dan pembelian tiket penerbangan dan penginapan hotel secara atas talian untuk menjamin perbelanjaan berhemah dan ‘value for money’.

Langkah yang dimulakan secara menyeluruh sejak tahun 2014 ini telah berjaya mengurangkan perbelanjaan perjalanan di bawah VOT B21000 sebanyak 18.8% berbanding pada tahun 2014.

UMS telah menjalankan kawal selia yang teratur dalam penggunaan aset secara optimum serta pembelian secara berpusat.

Di samping itu, langkah-langkah penjimatan utiliti juga giat dijalankan dan dibudayakan di

seluruh kampus UMS selaras dengan gagasan Universiti yang menyokong ‘eco-campus’.

UMS juga tidak membenarkan aktiviti keraian secara berlebihan sebaliknya menumpukan kepada majlis-majlis ilmu yang lebih bersesuaian serta menggunakan semua fasiliti dalaman sepenuhnya.

Selaras dengan Polisi Penjanaan Pendapatan UMS yang telah dilancarkan pada tahun 2013, semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) adalah digalakkan untuk menjana pendapatan.

Usaha ini sangat penting pada masa keadaan ekonomi semasa sudah tidak memungkinkan semua aktiviti di peringkat PTJ dilaksanakan dengan hanya bergantung kepada peruntukan geran mengurus kerajaan semata-mata.

UMS juga akur dengan situasi semasa yang mana yuran pengajian pelajar di peringkat prasiswazah akan kekal tanpa kenaikan. Menyedari hakikat ini UMS telah mengambil langkah mengkaji semula yuran pelajar antarabangsa dan pascasiswazah.

UMS turut mempergiat usaha menerokai peluang-peluang untuk

menambahkan bilangan pelajar antarabangsa daripada negara-negara yang mempunyai akses langsung ke Sabah seperti China, Brunei, Indonesia dan Timor-Leste.

Pada masa yang sama UMS turut menggunakan kemudahan yang ada di negara rakan kumpulan BIMP-EAGA, yang memerlukan kekuatan UMS sebagai badan akademia.

Langkah ini boleh menjadi serampang dua mata bukan sahaja untuk menyumbang dalam bidang akademik semata-mata malah usahasama lain bersifat entrepreneurial dan perpindahan teknologi.

Aktiviti pelaburan dan penjanaan pendapatan UMS turut disokong oleh anak syarikat di bawah universiti iaitu UMS-Invest Holdings. Anak syarikat ini telah mula menunjukkan pertumbuhan positif dalam tempoh dua tahun bagi tahun 2013 dan 2014.

UMS-Invest turut mempelbagaikan penglibatan perniagaan bukan sahaja dalam bidang pendidikan bersifat komersial tetapi juga di dalam bidang lain seperti bekalan, perkhidmatan dan kerja.

Penubuhan Unit Endowmen Universiti di bawah Pusat Hubungan

Industri dan Pejabat Alumni UMS merupakan dua lagi inisiatif utama universiti untuk memastikan kelestarian kewangan adalah terjamin.

Walaupun baru bermula namun dengan usaha berterusan kedua-dua sayap penting ini akan mampu membantu memperkuatkan kekuatan kewangan UMS.

UMS akan menerokai lebih banyak usaha lain bagi memastikan iaanya kekal relevan dan melonjak naik dalam keadaankekangan kewangan. Antaranya ialah memastikan pengurusan kekayaan atau ‘wealth management’ yang berkesan diterapkan di setiap peringkat dan lapisan warga universiti.

Usaha ini adalah bagi mengelakkan berlaku ‘poverty mentality’ yang mungkin akan membantu usaha UMS untuk lebih maju walaupun berdepan dengan kekangan kewangan.

Pengurangan bajet ini sudah tentu akan menjadi suatu cabaran besar bagi UMS namun pembudayaan belanja berhemah dan penjanaan pendapatan yang sudah lebih dulu diterapkan diharap akan membantu pihak UMS agar lebih berdaya tahan.